

**PILIHAN RAYA KAMPUS SESI 2015/2016**

# Pro-Aspirasi UKM tebus kekecewaan

» *Kumpulan menang besar peroleh 26 kerusi daripada 31*

Oleh Basir Zahrom

basir\_zahrom@bh.com.my

► **Bangi**

**P**ro-Aspirasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mencatat kemenangan besar dalam pilihan raya kampus sesi 2015/2016 apabila memenangi 26 daripada 31 kerusi yang dipertandingkan.

Daripada jumlah itu, sembilan adalah Kerusi Umum dan 17 Kerusi Fakulti, manakala Gabungan Mahasiswa UKM meraih lima kerusi iaitu masing-masing satu Kerusi Umum serta empat Kerusi Fakulti.

Satu kerusi di Fakulti Kejuruteraan Alam Bina dimenangi calon Pro-Aspirasi, Mohd Fikri Mohd Jumat, tanpa bertanding.

Keputusan diumumkan pada jam 12.30 malam semalam selepas proses pengiraan dan penjumlahan dibuat bermula pada jam 8 malam, membabitkan 17 tempat mengundi di kampus Bangi dan Kuala Lumpur.

## 64 calon bertanding

Kemenangan itu menebus kekecewaan Pro-Aspirasi berikutan kekalahan tipis dua kerusi pada sesi pilihan raya kampus tahun lalu apabila hanya meraih 14 kerusi, manakala Gabungan Mahasiswa memenangi 16 kerusi dan Bebas, satu kerusi.

Pilihan Raya Kampus UKM sesi 2015/2016 menyaksikan 64 calon bertanding merebut 31 kerusi dipertandingkan, iaitu masing-masing 10 Kerusi Umum dan 21 Kerusi Fakulti.

Sejumlah 84.73 peratus pelajar UKM keluar mengundi pada sesi kali ini yang bermula sejak 8 pagi hingga 5 petang, kelmarin.

Tinjauan BH ke UKM mendapati proses mengundi berjalan lancar hingga tamat tempoh pengundian di sekitar UKM Bangi.



**Pelajar keluar mengundi** pada pilihan raya kampus sesi 2015/2016, kelmarin.

(FOTO MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN/BH)